86 sekolah seluruh negara dikategorikan sekolah padat

Oleh Ruwaida Md Zain - April 29, 2024 @ 6:12pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek (kanan) bertanyakan sesuatu kepada pelajar SMK Meru, Klang ketika melakukan lawatan ke sekolah berkenaan sempena Program Tindak Susul Parlimen (TSP) Siri 1 Tahun 2024 Berhubung Sekolah Padat dan Akses Pendidikan Daerah Klang, hari ini. - Foto NSTP/Faiz Anuar

KLANG: Formula kelas terapung seperti dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru di sini, adalah antara solusi jangka pendek dan sederhana bagi mengatasi masalah sekolah padat di negara ini, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkata sehingga kini sebanyak 86 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dikategorikan berdepan masalah berkenaan.

Kelas terapung merujuk kepada kelas tidak tetap iaitu sesi pengajaran dan pembelajaran diadakan di mana-mana sahaja bilik kelas atau bilik kosong di sekolah akibat kekurangan bilik darjah di sesebuah sekolah.

"SMK Meru melaksanakan kelas terapung berikutan sekolah berkenaan antara sekolah yang mempunyai kepadatan tinggi dengan jumlah pelajar lebih 4,000.

"Ini antara sekolah paling ramai dan terus menunjukkan trend peningkatan dan dalam masa sama sekolah ini memang sesi penuh pagi dan petang.

"Tahniah kepada pentadbir SMK Meru khususnya kepada guru yang mempamerkan komitmen tinggi menyelesaikan isu kepadatan di sekolah ini.

"Perjalanan sekolah sangat tenang dan mengagumkan dan pengurusan murid-murid juga sangat teratur," katanya selepas menghadiri Program Tindak Program Tindak Susul Parlimen (TSP) Siri 1 Tahun 2024 berhubung Sekolah Padat dan Akses Pendidikan di Daerah Klang di SMK Meru, Batu 7, di sini hari ini.

Fadhlina berkata formula kelas terapung yang digunakan oleh SMK Meru itu perlu melihat kepada dinamika atau keadaan sesebuah sekolah sekiranya ingin dilaksanakan di sekolah lain.

"Setiap sekolah ini ada dinamika masing-masing. Jadi kita akan lihat setiap sekolah ini dalam konteks yang berbeza. Bagi sekolah yang ada fasiliti lebih boleh buat kelas terapung.

"Tetapi jika langsung tiada ruang, kena cari jalan bagi memastikan pembelajaran pelajar terus kondusif dan dapat meneruskan pengajian mereka," katanya.

Fadhlina berkata pihaknya turut menerima cadangan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mengoptimumkan kelas terapung.

Namun, katanya, ianya bukan sebagai kelas transit atau kelas ganti.

"Tetapi boleh digunakan sebagai kelas sepenuhnya berdasarkan subjek tetap. Jadi murid masuk terus belajar. Ini boleh diuruskan dengan baik oleh pentadbir sekolah berdasarkan ruang yang ada di sekolah.

"Kelas terapung ini mengoptimumkan semua fasiliti yang ada di sekolah berkenaan termasuk bilik kesihatan, makmal," katanya.